



## KENYATAAN MEDIA

### INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)

#### “TOWN HALL IYRES 2021: LANDSKAP DAN ASPIRASI BELIA NEGARA”

---

YB Senator Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal, Timbalan Menteri Belia dan Sukan merasmikan Town Hall IYRES 2021 secara dalam talian melalui Zoom Webinar dan Facebook Live @IYRESKBS hari ini.

Bertemakan Landskap dan Aspirasi Belia Negara, program tahun kedua anjuran Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) merupakan platform penyebarluasan hub data belia dan dapatan kajian IYRES kepada pemegang taruh di bawah pembangunan belia untuk dijadikan input dalam merangka program atau aktiviti bagi memenuhi keperluan dan kehendak semasa belia Malaysia.

YB Senator Wan Ahmad Fayhsal pada majlis perasmian berkenaan menyatakan peranan IYRES amat besar dalam memastikan hala tuju belia negara berada di landasan yang betul.

Beliau turut menambah, melalui hasil kajian berkenaan, Malaysia dapat merangka dan merencanakan formula terbaik dalam menghasilkan generasi masa depan yang unggul dan berkeupayaan mentadbir negara dengan jati diri yang kuat sekaligus menjadikan Malaysia negara maju dan sejahtera pada suatu hari nanti.

Town Hall kali ini akan membentangkan lima (5) dapatan kajian IYRES tahun 2020 dan Hub Data Belia seperti berikut:

#### i. **Landskap Belia Malaysia: Perspektif Indeks Belia Malaysia:**

Mengupas dapatan kajian Indeks Belia Malaysia (IBM) 2020 yang merupakan salah satu daripada enam mekanisme penilaian Dasar Belia Malaysia. Sesi ini akan melaporkan pencapaian kualiti dan

kesejahteraan hidup belia Malaysia melalui 12 domain dan 58 indikator bermula dari tahun 2015-2020.

**ii. Trend Budaya Sukan Rakyat Malaysia Ketika Pandemik Covid-19:**

Mengupas dapatan kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) 2020 yang merupakan penilaian outcome bagi mengukur pencapaian budaya sukan yang dilaksanakan setelah IBSM dibangunkan kali pertama pada tahun 2018. Ia merupakan *tools* dalam menentukan sejauh mana pencapaian budaya sukan rakyat Malaysia beradaptasi dengan norma baharu kesan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 melalui 5 domain dan 8 indikator.

**iii. Ketidakupayaan Belia Bersaing Dalam Sektor Ekonomi:**

Sesi perkongsian berkenaan faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakupayaan belia bersaing dalam sektor ekonomi dan mengkaji ciri atau indikator yang dapat meningkatkan keupayaan belia bersaing dalam sektor ekonomi.

**iv. *Upskilling & Reskilling Study for Better Employment Opportunities Among Youth:***

Sesi perkongsian berkenaan pelan tindakan dan inisiatif *upskilling* dan *reskilling* yang diperlukan untuk memastikan peluang pekerjaan yang lebih baik bagi golongan belia selari dengan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0). Kajian ini juga mengenal pasti jurang antara expektasi industri berbanding kemahiran sedia ada yang dimiliki oleh golongan belia.

**v. Aspirasi Belia Negara:**

Sesi perkongsian berkenaan faktor-faktor yang mendorong kesejahteraan, kepuasan hidup, dan kegembiraan belia. Data berkaitan keperluan dan kehendak belia dapat dicerap berdasarkan aspirasi belia dari peringkat negeri ke peringkat nasional.

**vi. Hub Data Belia: Analytical Perspectives:**

Hub Data Belia merupakan satu gerbang maklumat utama yang mengandungi empat (4) sistem iaitu Hub Statistik (sistem Ydata@IYRES), Hub Profil Belia (Sistem Profil Belia Negara), Hub Pemantauan (Sistem e-MYInd) dan Hub Analitik (sistem data science dan data analytics). Gerbang ini dibangunkan oleh IYRES, KBS bagi memudahkan capaian maklumat dalam kalangan pemegang taruh pembangunan belia melalui satu platform yang berfokus.

Turut bersama dalam sesi webinar Town Hall berkenaan yang dihadiri oleh hampir 400 peserta ialah YBrs. Dr. Vellapandian Ponnusamy, Ketua Pegawai Eksekutif IYRES, YBrs. Puan Ramona Mohd Razali, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KBS dan YBrs. Encik Abdullah Hasan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KBS.

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)**  
**9 OGOS 2021**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**  
**Unit Komunikasi Korporat, IYRES**  
**Tel:03-88713337**